

Headline	Masyarakat tak berubah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	22 Oct 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	22,23	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	720 cm ²
Journalist	Noriah Idris	AdValue	RM 26,489
Frequency	Daily	PR Value	RM 79,467



Masyarakat tak berubah

Penagih dadah hidap Aids terus disisih, cemuh pesakit

>>Oleh Noriah Idris
nori@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Sikap masyarakat yang menyisihkan pesakit Aids masih belum berubah sepenuhnya walaupun sekian lama penyakit itu bertapak di negara ini seolah-olah menerima 'hukuman mati'.

Dekan Fakulti Perubatan Universiti Malaya, Prof Dr Adeeba Kamarulzaman berkata, pandangan negatif itu menghukum penghidap bagaikan mereka begitu hina dan tiada tempat dalam masyarakat.

Katanya, sikap sedemikian langsung tidak membantu golongan berkenaan bahkan, ia menjadi halangan kepanduan dan kelompok penyelidikan sepanjang kajian terhadap penyakit Aids di Pusat Kecemerlangan Kajian Aids (Ceria) Universiti Malaya sejak empat tahun lalu.

"Sikap orang ramai pada keseluruhannya masih belum berubah dan menyifatkan Aids seolah-olah 'hukuman mati' dan sanggup membiarkan mangsa terus



SEMALAM Wajah Kehidupan menyiarkan pengakuan tiga penghidap Aids yang kini sengsara selepas tersilap langkah satu ketika dulu. Hari ini, fokus isu Aids diteruskan dengan menyingkap pandangan pakar dan teknik rawatan dilakukan terhadap kumpulan sasaran dengan menggunakan pelbagai pendekatan.

Selain menggunakan kaedah Metadon, pendekatan lebih mesra di pusat jagaan harian yang dirintis Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) menerusi pusat perawatan dan pemulihannya antara kaedah berkesan.

menderita walhal pelbagai rawatan sudah dilakukan untuk mencegah daripada terus merebak.

"Sebenarnya, ia bukan lagi penyakit yang membawa maut kerana pelbagai kaedah ditemui bagi melambatkan penyakit itu daripada merebak. Namun, untuk mengubah sikap masyarakat daripada terus prejudis, pendedahan yang tepat dan berterusan perlu dilakukan," katanya.

Beliau yang juga, Pengerusi Yayasan Aids Malaysia berkata, stigma itu berpunca daripada kurangnya pengetahuan dan kesedaran masyarakat terhadap golongan pesakit Aids.

Menurutnya, diskriminasi itu antara halangan kepada program mencegah jangkitan HIV begitu sukar untuk dilaksanakan secara menyeluruh.

Selain itu, kata Dr Adeeba, ketiadaan dana, kekurangan pakar di bidang berkenaan serta penyelidik tidak begitu berminat untuk menjalankan penyelidikan lebih berkesan turut jadi penyebab.


Antara kesan pesakit yang dijangkiti penyakit itu seperti kerap menangis dan suka mengasingkan diri dalam

bilik kerana malu atau tertekan dengan masyarakat keliling selain berasa tidak berguna lagi untuk meneruskan hidup.


Beliau berkata, kadar jangkitan virus HIV menurun jika dilihat secara kasar, tetapi agak membimbangkan kerana masih terdapat banyak jangkitan baru setiap tahun.

Mengenai trend HIV semakin berubah kerana transmisi seksual dan membabitkan pekerja seks atau hubungan heteroseksual yang kian berleluasa, katanya, ia adalah sesuatu yang berbahaya.

"Penghidap adalah manusia biasa dan menjalani hidup berumah tangga atau ada pasangan, lambat-laun jangkitan itu akan disebar kepada isteri atau kepada pasangan mereka. Begitu juga mereka yang mendapat HIV daripada hubungan rambang, turut menyebarkannya kepada isteri, sekali gus memberi kesan kepada anak yang bakal dilahirkan jika isterinya mengandung," katanya.



Headline	Masyarakat tak berubah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	22 Oct 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	22,23	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	720 cm ²
Journalist	Noriah Idris	AdValue	RM 26,489
Frequency	Daily	PR Value	RM 79,467



UBAT...Metadon antara kaedah rawatan diberi kepada pesakit HIV.



“Sebenarnya, ia bukan lagi penyakit yang membawa maut kerana pelbagai kaedah ditemui bagi melambatkan penyakit itu daripada merebak. Namun, untuk mengubah sikap masyarakat daripada terus prejudis, pendedahan yang tepat dan berterusan perlu dilakukan”

>Prof Dr Adeeba Kamarulzaman